



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 APRIL 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 APRIL 2022 (KHAMIS)

Pemandu, kelindan lori diupah RM1,800 bawa barang seludup

Pasir Mas: Dua lelaki, masing-masing pemandu serta kelindan lori mendakwa menerima upah RM1,800 untuk membawa pelbagai barangan yang diseludup termasuk pakaian, selipar dan beg dari pangkalan haram Sungai Golok ke bandar Kota Bharu.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), Superintendan Azhari Nusi, berkata suspek berusia 29 dan 35 tahun itu ditahan ketika membawa semua barangan seludup yang bernilai lebih RM200,000 di Pasar Besar Tasek Raja, di sini, jam 7.30 malam kelmarin.

Ketika anggota membuat rondaan, mereka tersempak sebuah lori dipandu suspek dalam keadaan mencurigakan sebelum menahannya untuk pemeriksaan.

"Pemeriksaan menemui 3,181 pakaian pelbagai jenama, 250 pasang selipar dan tujuh beg disyaki



Antara barangan seludup dirampas anggota PGA7 di Pasar Besar Tasek Raja, Pasir Mas, semalam. (Foto Ihsan PGA7)

dibawa masuk ke dalam negara melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok, Rantau Panjang.

"Kedua-dua suspek gagal mengemukakan dokumen sah untuk kebenaran membawa barangan berkenaan, jadi anggota menahan mereka dan merampas lori serta barangan untuk dibawa ke Balai Polis

Jeram Perdah bagi tujuan laporan.

"Semua baju, selipar dan beg yang dirampas kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk siasatan lanjut di bawah Akta Cap Dagang 2019," katanya dalam kenyataan.

Seludup masa **berbuka**

Dua suspek bawa barangan tiada dokumen sah bernilai RM200k ditahan

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Pasir Mas

Seorang pemandu lori bersama kelindannya mendakwa menerima upah RM1,800 untuk membawa barangan seludup dari pangkalan haram Sungai Golok ke bandar Kota Bharu.

Kegiatan mereka terbongkar apabila kedua-dua suspek ditahan membawa pakaian, selipar dan beg itu di Pasar Besar Tasek Raja, di sini, jam 7.30 malam kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), Superintendan Azhari Nusi berkata, suspek berusia 29 dan 35 tahun itu ditahan ketika membawa barangan seludup dianggarkan bernilai lebih RM200,000 berkenaan.

Menurutnya, anggota yang membuat rondaan terserempak sebuah lori yang dipandu suspek dalam keadaan mencurigakan selepas waktu berbuka puasa lalu menahannya untuk pemeriksaan.



BARANGAN seludup yang dibawa dari pangkalan haram Sungai Golok ke bandar Kota Bharu.

"Hasil pemeriksaan menemui 3,181 helai pakaian pelbagai jenama, 250 pasang selipar dan tujuh beg disyaki diseludup melalui pangkalan haram di Sungai Golok, Rantau Panjang.

"Kedua-dua suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen sah menyebabkan mereka ditahan, manakala barangan dan lori tersebut dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, kesemua barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk siasatan mengikut Akta Cap Dagang 2019.

Katanya, siasatan mendapati penyeludup menggunakan modus operandi dengan membawa masuk barangan terbabit menggunakan perahu melalui jalan sungai.

"Ia kemudian ditempatkan di lokasi transit sebelum dibawa menggunakan lori pada waktu malam ketika orang sedang bersedia untuk berbuka puasa," katanya.



BARANGAN seludup yang dirampas PGA di Pasar Tasek Raja, Pasir Mas kelmarin. - IHSAN PGA

PGA rampas pakaian, selipar, beg raya tiruan

PASIR MAS - Pakaian, selipar dan beg tiruan bernilai RM208,610 yang dipercayai untuk dijual sempena sambutan Aidilfitri dirampas pihak berkuasa selepas menahan sebuah lori berhampiran Pasar Tasek Raja di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 7.35 malam, pemandu lori berusia 29 tahun dan kelindan berumur 35 tahun turut ditahan.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Azhari Nusi berkata, pemeriksaan ke atas lori itu menemui 3,181 helai pakaian berjenama tiruan di bahagian belakang kenderaan tersebut.

PGA juga menemui 250 pasang selipar dan tujuh buah beg yang diletakkan di tempat sama.

"Kesemua barang yang dirampas dipercayai diseludup dari Thailand melalui pangkalan haram di daerah ini.

"Kesemua barangan ini dipercayai akan diedarkan di beberapa lokasi di sekitar Kota Bharu sebelum dijual," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujarnya, suspek juga mengaku menerima gaji bulanan sebanyak RM1,800 selain komisen.

Suspek dan barangan rampasan dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah dan kes disiasat mengikut Akta Cap Dagang 2019.

KPDNHEP Kedah sita bahan api disimpan di premis haram bernilai RM569,000

Jual diesel, petrol kepada treler Siam

JITRA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah merampas 42,517 liter diesel dan 14,180 liter petrol kerana disimpan di premis yang tidak dilesenkan di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam dekat sini pada Isnin lalu.

Kesemua diesel tersebut ditemui di dalam empat tangki skid yang berada di lokasi serbuan, manakala petrol pula disimpan di dalam tangki bawah tanah.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Zalina Aziz berkata, pihaknya mengesyaki diesel dan petrol bernilai RM569,000 itu turut diseleweng dengan dijual kepada kenderaan dari negara jiran.

Menurutnya, ketika serbuan pukul 2 petang itu, sebuah lori treler dengan nombor pendaftaran Thailand turut berada di lokasi berkenaan untuk mengisi minyak.

"Pemilik diesel dan petrol ini sebenarnya pemborong yang sah dan memiliki lesen untuk berbuat demikian, namun dia didapati menyimpan bahan api itu di lokasi yang tidak dilesenkan.

"Risikannya pihak kami dalam tempoh empat minggu kebelakangan ini turut mendapati pergerakan lori-lori tangki ke tempat tersebut yang dipercayai baru dibuka kira-kira dua bulan lalu," katanya ketika ditemui di Stor KPDNHEP di Tunjang dekat sini semalam.

Menurutnya, dalam serbuan itu, pihaknya turut menahan tiga individu terdiri daripada pemandu lori treler warga Thailand serta dua penduduk tempatan yang dipercayai pekerja di premis terbabit.

Siasatan kini dijalankan mengikut Seksyen 20(1) dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Peraturan Kawalan Bekalan 1974.



ZALINA (kanan) bersama lori treler dengan nombor pendaftaran Thailand yang disita dalam serbuan di lokasi penyimpanan diesel dan petrol haram di Bukit Kayu Hitam dekat Jitra semalam.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM8.90	• Telur Gred A RM12.60	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM14
	• Daging Lembu Tempatan RM45	• Ikan Kembung RM18	• Bawang Besar Holland RM4.00	• Kubis Bulat Tempatan RM3.50
	• Daging Lembu Import RM28	• Minyak Masak RM6.50	• Bawang Putih RM9.00	• Tepung Gandum RM2.30
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN-HEP</small>

RM200,000 fake branded goods seized

PASIR MAS: Police seized various counterfeit branded items including apparel, slippers, and bags worth more than RM200,000 after detaining two men and the lorry they were travelling in at the Tasek Raja Market on Tuesday.

General Operations Force 7th Battalion commanding officer Supt Azhari Nusi said the team detained the two men, a lorry driver and his assistant aged 29 and 35, and impounded their lorry at 7.30pm.

"The inspection carried out by the police on the vehicle found a total of 3,181 pieces of counterfeit branded apparel worth RM191,860, 250 pairs of slippers worth RM15,000 and seven bags worth RM1,750 in the back of the lorry, the total value of the seized items was RM208,610," he said in a statement yesterday.

He said the lorry, worth RM70,000, which was used to transport the goods was also seized bringing the total value of the seized items to RM278,610.

Azhari said all the goods were believed to have been smuggled into the country through illegal bases on the Malaysia-Thai border, to be distributed in several locations around Kota Baru to meet the high demand for such items ahead of the Aidilfitri celebrations.

"The suspects admitted to receiving a monthly salary of RM1,800 as well as a commission depending on the number of deliveries made.

"The suspects and seized items were taken to the Jeram Perdah police station for further action under the Trademark Act 2019," he said.

- Bernama



MINISTRY OF DOMESTIC TRADE AND CONSUMER AFFAIRS



MFA



29th International Franchise Exhibition and Conference
FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2022
8th - 10th SEPTEMBER 2022
 Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur

Rebuilding Growth, Spurring Excellence

Endorsers:




Sponsors:





Supported by:



Main Activities

- 

Exhibition
8 - 10 Sept 2022
 Explore variety business sector opportunities.
- 

Business Matching
8 - 10 Sept 2022
 An exclusive platform to create high-value, immediate business opportunities.
- 

International Conference
9 - 10 Sept 2022
 Enhance franchise related knowledge at International Franchise Conference.
- 

Workshops
8 - 10 Sept 2022
 Sharing session of the success story, business idea and opportunities.

Why exhibit at FIM2022?

- ▶ The largest annual franchise exhibition in Southeast Asia with 28 years of proven track records.
- ▶ The only franchise event in Malaysia endorsed by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA), World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) & Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE).
- ▶ Reach out to potential franchisees, investor and business partner across the country.
- ▶ The gateway to international expansion.
- ▶ Business and branding exposure.
- ▶ Provide a conducive business ecosystem.
- ▶ Platform to be part of the leading franchise brands in the country.

Don't miss out. It is Franchise Time!

BOOK YOUR SPACE & ENJOY 10% OFF UNTIL 31st MAY 2022

For more info:
 E-mail: fim@mfa.org.my | Phone: +603-6241 4141



myfim.my

 [franchiseinternationalMY](#)

 [FranchiseMY](#)

 [franchisemalaysia](#)